

## Pengajian Sastera *Mahua* dalam Konteks Globalisasi: Pembentukan Institusi Keilmiahan dan Permulaan Kesedaran Jati Diri

CHONG FAH HING

### MUKADIMAH

Dalam kerangka sastera Malaysia, sastera Cina Malaysia (seterusnya dikenali sebagai sastera *Mahua*<sup>1</sup> telah wujud sebagai gejala sastera dan budaya yang unik, lantaran menuntut perhatian pelbagai pihak. Keunikannya terletak pada kemampuannya menjana pelbagai wacana dan makna serta keintimannya dengan realiti semasa, terutamanya dalam konteks masyarakat Malaysia sezaman. Walaupun media pengucapan yang digunakan penulis *Mahua* adalah bahasa Cina, namun perkembangannya dalam tempoh melewati satu abad itu bukan sahaja sudah terpisah daripada tradisi sastera Cina daratan (中国文学), tetapi juga berkembang mengikut hala dan acuannya sendiri, khususnya selepas Perang Dunia II. Ini terbukti daripada manipulasi bahasa dalam sastera *Mahua* yang berbeza dengan bentuk dan gaya pengucapan sastera China daratan. Dengan kata lain, bentuk dan gaya bahasa yang dipakai di daratan China bukan lagi menjadi ilham, apatah lagi sumber tiruan bagi penulis dan pengamal bahasa di sini. Perbezaan yang paling ketara ialah pada pembakuan bentuk leksikon dan leksikologi kedua-dua sistem sastera itu. Begitu juga, gejala peminjaman leksikal, terutamanya dari korpus bahasa Melayu dan peribumi lain sangat ketara dalam karya penulis *Mahua*. Dari segi pengolahan tema dan latar karyanya, suasana dan milieu sosialnya nyata sekali bersifat lokal. Oleh itu, tidak keterlaluan dikatakan pengajian sastera *Mahua* adalah saluran untuk peminat, sarjana dan pengkritik sastera, malah tetangga dari pelbagai latar budaya menyelami pemikiran dan gelojak jiwa masyarakat Cina, komposisi masyarakat yang harus difahami dalam kerangka pengajian Malaysia secara keseluruhannya.

### TINJAUAN PROSES PENGINSTITUSIAN PENGAJIAN SASTERA *MAHUA*

Sebagai gejala baru, persoalan yang paling menarik perhatian pengkaji dan pengkritik sastera ialah sejauh mana ia mampu membina citra dan jati dirinya selaras dengan kehadirannya di rantau ini hampir satu abad lamanya. Fenomena yang paling ketara sepanjang perkembangannya adalah ia wujud sebagai bidang pengajian baru dalam disiplin sains sosial dan kemanusiaan di Malaysia. Ia

bukan sahaja menarik perhatian pengkaji dan peneliti sastera tanah air, malah sarjana dari luar negara. Banyak seminar, kolokium, persidangan berhubung sastera *Mahua* kerap diadakan di kalangan orang akademik dan budaya Cina di Malaysia dan Singapura. Pertemuan seumpama inilah yang berjaya mengundang ramai sekali peserta dan pengkaji dari dalam dan luar negara, sekali gus memaparkan kecenderungan dan rasa keterlibatan diri masyarakat celik huruf terhadap wahana ilmiah itu. Berpandukan pelbagai perspektif dan pendekatan, sarjana dari Singapura, China, Taiwan, Hong Kong, malah Jepun, Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman, telah memperoleh hasil yang lumayan daripada pengajian itu,<sup>2</sup> sekali gus memantapkan perkembangan sastera *Mahua* serta memperkayakan khazanah keilmuan *Mahua*, khasnya dan kesarjanaan tanah air amnya, lebih-lebih lagi telah muncul kajian yang tertulis sama ada dalam bahasa Melayu atau Inggeris. Dalam keilmuan tempatan, sastera *Mahua* telah dijadikan bidang pengajian baru di bawah naungan Jabatan Pengajian Tionghua atau Jabatan Pengajian Kebahasaan dan Kesusasteraan Tionghua di banyak institusi pengajian tinggi, bermula di University of Singapore pada tahun 1966. Ketika itu Lin Xudian (林徐典), memangku jawatan Ketua Jabatan, sementara Fang Xiu (方修) dilantik sebagai pensyarah sambilan untuk mengendalikan mata kuliah Sastera *Mahua* Moden (马华新文学). Ini diikuti Universiti Nanyang (1980-an), Universiti Malaya (awal 1990-an), Kolej Selatan (1996), Kolej New Era (1998), Kolej Han Jiang (1999), Universiti Tunku Abdul Rahman (2002) dan Open University of Singapore (1990-an). Sementara itu, pengajian di peringkat ijazah lanjutan telah bermula di Universiti Malaya pada 1967 dengan Yu Wanglun (Yu Wang Luen) sebagai perintis,<sup>3</sup> dan pada tahun 2008 Universiti Putra Malaysia turut menawarkan kursus sastera *Mahua* kepada pelajar pasca siswazah melakukan kajian mereka. Sehingga tahun 2007, Universiti Malaya telah menghasilkan tiga orang graduan peringkat Ph.D dan tiga belas orang graduan peringkat sarjana.<sup>4</sup> Ramai juga orang tempatan dan pengkaji dari seberang laut telah mengkaji sastera *Mahua* di peringkat pasca siswazah di institusi pengajian tinggi luar negara, misalnya Amerika Syarikat, Singapura, Taiwan dan China.<sup>5</sup> Perangkaan dalam Jadual di bawah ini telah memberi gambaran itu dengan lebih jelas:

JADUAL 1: Bilangan siswazah-pengkaji sastera *Mahua* mengikut daerah dan aras pengajian

Peringkat Pengajian	Lokasi						Jumlah
	M'sia	S'pura	Taiwan	China	Hong Kong	Amerika Syarikat	
Diploma	9	-	-	-	-	-	9
Sarjana Muda	27	20	-	-	-	-	47
Sarjana	12	27	4	6	1	-	50
Kedoktoran	4	4	1	3	-	1	13
Jumlah	52	51	5	9	1	1	119
Peratusan	43.7%	42.9%	4.2%	7.6%	0.8%	0.8%	

## KE ARAH PEMBENTUKAN DISIPLIN BARU

Daripada hasil penyelidikan, ternyata bahawa pengajian dan pengajaran sastera *Mahua* telah berkembang menjadi suatu bidang yang baru. Namun, persoalan yang menarik untuk direnung bersama ialah apakah ia boleh berkembang menjadi suatu disiplin baru nanti? Untuk menjawabnya, barangkali pendapat sarjana dari Chi Nan University, Guangzhou, China, boleh memberi panduan yang berguna:

Perwujudan disiplin menuntut asas falsafahnya yang tersendiri. Dengan kata lain, suatu bidang ilmu diiktiraf sebagai satu disiplin bukan bergantung pada faktor luar (objektif) semata-mata. Misalnya dibuka sebagai mata kuliah, dikaji dan sebagainya, tetapi berkait dengan pendekatan, khususnya manusia mengenali dunia ini. Ia adalah salah satu cara manusia berhubung dengan dunianya. Di samping itu, ia mencakupi banyak aspek yang berkait dengan peraturan yang tidak ditemui di mana-mana disiplin lain. Daripada hasil kajian setakat ini, bolehkah Sastera Cina Seberang Laut ( 海外华文文学 ) wujud sebagai disiplin masih diragui. Ini disebabkan kebanyakan makalah yang mengkaji bidang ini masih berada di takuk mempamerkan fenomena semata-mata. Seolah-olah ia adalah gabungan beberapa pengarang dari sastera Cina kontemporari atau sastera Cina pelbagai negara, dengan ditambah latar belakang pengarang berkenaan sahaja. Sebagai disiplin, malah mana-mana kajian ilmiah pun, yang penting adalah “tafsiran” dan “telaah”. Kalau pengkaji tidak berupaya melakukan tafsiran dengan mendalam ke atas fenomena tadi, manakah asas ilmiah dan disiplin itu? Dilihat daripada sudut lain, apakah Sastera Cina Seberang Laut mempunyai ruang cukup untuk ditafsirkan sehinggakan ia dapat berdiri sebagai disiplin? Jawapan kami ialah memang ada kemungkinan itu. Tetapi di peringkat ini, mungkin lebih banyak adalah kajian yang bersifat topikal. Dan ia boleh mendapat manfaat daripada kritikan sastera kontemporari, sastera bandingan, sejarah Sastera Cina Moden hinggalah kritikan sastera dan sejarah sastera serta ilmu sejarah dan ilmu budaya di negara pemastautin itu sendiri. (Rao Pengzi, Fei Yong 1998: 18)

Hujah di atas ada benarnya; namun ia tetap menjanjikan harapan yang cerah. Setelah mengkaji perkembangan ilmiah sastera *Mahua* dalam institusi pengajian tinggi selama 45 tahun lepas, kita didapati hubungan antara sastera *Mahua* dengan Sastera China Daratan sudah menjadi tema utama pengkaji. Misalnya, Lin Wanjing @ Lim Buan Chay (1978), Qiu Liuchuan (1978), Huang Sentong @ Wong Seng Tong (1978), Guo Huifen (1997), Zhang Jinzhong (1997) dan Zhu Wenbin (2004) yang khusus mengkaji tema itu menjelaskan bahawa pertalian asialih antara sastera *Mahua* dan Sastera China Daratan adalah kenyataan yang tidak dapat disangkal. Kebanyakan pengkaji melihat fenomena itu sebagai tradisi yang diwarisi. Namun, Zhang Jinzhong @ Tee Kim Tong menganggap tradisi itu lebih banyak mendatangkan gangguan daripada fungsi positifnya (2003: 127-134). Ini adalah paradigma baru dalam kajian hubungan antara dua sistem sastera itu. Seterusnya, kita telah menyaksikan sastera *Mahua* telah berkembang atas kebolehnya sendiri selaras dengan situasi semasa dan

realiti sosial di Malaya/Malaysia. Tema berkaitan proses pendaerahan dan Malayanisasi sastera *Mahua* secara langsung telah membenarkan kenyataan tadi. Misalnya, Zhou Yazhu (1979), Li Ziling (1981) dan Su Weihong (2002) dalam tesis mereka telah mengupas fenomena penerapan warna Nanyang dalam karya *Mahua* pada zaman sebelum dan sesudah Perang Dunia II. Terutamanya Su Weihong, cuba menyelami perubahan landskap intelektual antara tahun 1945 hingga 1965, zaman yang ditandai pelbagai jenis perjuangan, sekali gus menjadi zaman yang penting bagi percambahan pemikiran intelektual *Mahua*.<sup>6</sup> Selain itu, kajian makro turut merangkumi perkembangan genre sastera, seperti puisi lama dan baru, cereka (termasuk novel, cerpen dewasa dan kanak-kanak) dan drama pentas. Kajian secara mikro pula melibatkan kajian tokoh penulis dan karyanya. Ternyata kedua-dua tema itu paling diminati pengkaji. Dalam kajian genre tertentu, fokusnya cenderung kepada sejarah atau proses pengembangan sastera, maka aspek genre itu sendiri sering kali terabai. Persoalan seperti mengapa sesetengah genre tidak berkembang dengan baik berbanding dengan genre lain, tinggal tidak terjawab. Bagi kajian tokoh penulis, nama penting dan karya mereka telah dikupas sebaiknya, Antaranya ialah Qiu Shuyuan @ Koh Seok Wan, Fang Beifang, Wei Yun, Fang Xiu, Wen Zichuan, Miao Xiu, Zhang Jinyan, Guan Zhenmin, Chen Rujiu, Tie Kang, Shang Wanyun, Liang Fang @ Leong Kong Meng, Xiao Hei @ Tan Kee Keat, Duo La @ Lim Guat See, Yun Lifeng @ Tan Choon Teck, Li Yijun, Fan Teng, Jin Cao, Pan Yutong @ Pan Kwee Chong, Li Yongping @ Lee Yung Ping, Huang Jinshu @ Ng Kim Chew, Chen Dawei @ Chan Tah Wei dan Zhong Yiwen @ Choong Yee Voon. Namun, adalah janggal membuat pemilihan tokoh penulis tertentu sebagai subjek kajian, kerana tidak ada kriteria yang jelas dan yang meyakinkan sehubungan itu. Misalnya dalam kajian Lim Saw Tin (2003), pilihan penulis prosa tahun 1980-an bukan sahaja kurang meyakinkan, malah timbul persoalan mengapa karya yang tersiar di akhbar *Nanyang Siang Pau* sahaja dikaji. Kajian yang merentasi kedua-dua aliran sastera *Mahua* dan Melayu pula dimulakan sejak pertengahan tahun 1990-an di rintisi Yulduz Emiloglu (1995) dan Zhuang Huaxing @ Chong Fah Hing (1999) di peringkat Ijazah Kedoktoran dan Sarjana. Sebelum itu, Tan Chin Kwang dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, telah menulis tesis di peringkat Sarjana Muda dengan judul *Kesusasteraan Melayu dalam Terjemahan Tionghua (1959-1963); khasnya yang diterbitkan di Singapura* (1965). Ini adalah permulaan kajian antara sastera *Mahua* dan Melayu. Kecenderungan yang menarik ini membayangkan pengkaji *Mahua* cuba mencari titik silang dan keselarian antara kedua-dua aliran sastera yang berkembang dalam suasana dan milieu sosial yang sama. Sudah tentu keilmiahan ini banyak membantu pemupukan bentuk sastera Malaysia yang sejati kelak.

Penyelidikan yang mengkhususkan teori dan kritikan sastera *Mahua* masih lesu. Setakat ini, hanya Lin Wenjin @ Lim Boon Gim (1986) dan Lin Shunfu @ Lim Soon Hock (1994) terlibat dalam kajian itu. Itu pun terbatas dalam tempoh sepuluh tahun (1937-1941, 1945-1949) sekitar Perang Dunia II. Kedua-dua kajian

ini bersifat yang tertutup, tanpa mengambil kira faktor ekstrinsik yang mempengaruhi pembentukan wacana dan bentuk kritikan serta pengaruhnya kepada kritikan sastera seterusnya.

Barangkali tema yang belum mendapat perhatian serius dan meluas adalah berkaitan institusi persuratkhabaran dan lembaran sastera (文学副刊). Ilmu lembaran sastera itu penting untuk memahami pembentukan sistem sastera. Aspek yang berkaitan mencakupi faktor ekstrinsik dan intrinsik yang mewujudkan lembaran tersebut serta kemampuannya telah memberi kesan kepada pengembangan sistem sastera yang berkenaan.

Bagi memudahkan penelitian, maka diturunkan di bawah ini tema yang telah dikaji siswazah institusi pengajian tinggi dalam jangka masa antara 1965-2005:

- i. Kajian novel, cerpen dewasa dan kanak-kanak, drama pentas, puisi lama dan baru, ciri-ciri khusus serta sejarah perkembangannya: Hong Tianchi @ Ang Tianse, Yu Wang Luen, Lin Guan hao, Zheng Yufen, Guo Ronggui, Lin Shunfu, Chen Yingde @ Tang Eng Teik, Cheng Huiting @ Ching Wai Teng, Sun Yanzhuang @ Seng Yan Chuan 1993, Li Qingnian, Chan Foong Yee, Lin Qingfu, Su Weihong 1996, Chen Fuxing @ Chan Foo Heng, He Meizhu, Chen Chunyan, Pan Jiafu, Huang Fei @ Wong Hee, Wang Wenzhen, Liang Chunfang, Guo Huifen 2002, Li Caiyin, dan Chen Ailin @ Tan Ai Reen.
- ii. Kajian tokoh penulis dan karya: Huang Sentong @ Wong Seng Tong 1969, Chen Shijun, Yao Mengtong, Zhou Weijie, Chen Huihua, Chan Yein Ning, Li Rongji, Huang Liangyu, Lu Yanling, Huang Jiahao, Wang Zhiwei, Ou Qingchi @ Ow Ching Tee, Huang Yinhua, Zhong Huijun, Wu Biyan, Chen Yu.e, Choo Siew Hwa, Cai Yubing, Zhuang Yijie, Zhu Youyun, Wang Jinfang, Lin Huixin, Yan Huixin, Chen Huikun, Liu Hailian, Mao Lifei, Zhang Xuanxuan, Lim Saw Tin, Huang Meiyi, Cai Shunping, Xiao Yuquan, Chen Meiyun, dan Seng Yan Chuan 2005.
- iii. Rujukan dan bibliografi: Ye Shuwen, Lee Su Mei, dan Tan Yeok Sim.
- iv. Pengaruh sastera: Lin Wanjing, Huang Sentong 1978, Chew Chui Kian, Guo Huifen 1997, Li Yongle, Xie Shijian, dan Zhu Wenbin.
- v. Sastera bandingan: Qiu Liuchuan, Yulduz Emiloglu, Zhuang Huaxing, dan Liu Xingmin.
- vi. Wacana lokaliti: Zhou Yazhu, Li Ziling, Cai Meili, Xuan Suwei, dan Su Weihong 2002.
- vii. Terjemahan sastera dan produksi budaya: Chen Zhen.guang (Tan Chin Kwang), dan Chong Ming Lee.
- viii. Sastera dan masyarakat/politik: Sheng Xiuhua, Tang Mei.an, Zhuo Jinxiang, Zhan Daoyu, Wei Xian.nu, dan Xu Wenrong.
- ix. Kajian teori dan kritikan: Lin Wenjin, Lin Shunfu, dan Liu Xuhui.
- x. Kajian imej, watak dan perwatakan, tema: Wu Guoqiang @ Ng Kok Keong 1997, Ng Kok Keong 2002, dan Chen Litong @ Tan Lip Thong.

- xi. Kajian hadiah sastra: Chen Cuiling @ Tan Thue Ling.
- xii. Institusi persuratkhabaran, lembaran sastra dan sejarah sastra: Ke Siren, Huang Shuling, Li Caiping, Yan Xiaowen, Huang Tongbao, dan Xu Jianfen.
- xiii. Kajian budaya, penulisan feminisme: Zhang Jinzhong, Wang Fang, Chen Songjie, Xu Kaiqiu, Chen Weichun @ Ting Hea Chuen, Li Manzhi, Wang Xiujie, dan Wu Shufang.

Secara relatifnya, amat jelas bahawa sebahagian besar pengkaji siswazah itu adalah dari Singapura dan Malaysia, tempat asal bidang ilmu yang berkenaan. Namun, keadaan ini tidak akan kekal kerana didapati siswazah di institusi pengajian tinggi di Tanah Besar China telah mula menunjukkan minat di bidang itu. Menyeberangi ambang alaf baru ini, tiga orang calon siswazah dari University of Nanking, China, telah memperoleh ijazah kedoktoran di bidang sastra *Mahua* khususnya, dan sastra Cina Asia Tenggara amnya. Selain itu, di Singapura ada dua pemegang ijazah kedoktoran itu dari China. Setakat ini, siswazah dari China cenderung mengkaji perspektif sosiobudaya, termasuk kesedaran sendiri dan identiti orang Cina di seberang laut, tradisi dan perubahan landskap intelektual *Mahua*, hubungan sastra China daratan dengan sastra *Mahua*. Ini berhubung rapat dengan tuntutan di kalangan sarjana daratan China sendiri bahawa “kajian ke atas Sastra Cina Seberang Laut sewajarnya digandingkan dengan kajian identiti budayanya. Kajian budaya adalah titik pemisah antara disiplin sastra bandingan dan Sastra Cina Seberang Laut dengan identiti berkembar atau identiti majmuk di kalangan orang Cina seberang laut adalah satu titik tolak yang tidak boleh diketepikan tatkala mengkaji Sastra Cina Seberang Laut (Zhu Lili 2005). Ia juga selaras dengan kecenderungan ilmiah sains kemasyarakatan Cina di rantau ini yang kini sudah diuar-uarkan haluan baru dengan diberi nama Ilmu China-Asia Tenggara (中国-东南亚学) (Liu Hong 2000). Kajian sastra *Mahua* baru-baru ini turut mengundang perhatian siswazah di Barat, terutamanya di Amerika Syarikat. Ada calon ijazah kedoktoran dari Harvard University dan University of California Los Angeles berkecimpung di bidang ini.<sup>7</sup> Begitu juga terdapat calon PhD di University of Barcelona, Sepanyol, melakukan kajian ijazah terhadap sastra *Mahua*. Perkembangan baru ini pertanda baik kerana penyertaan dari pelbagai pihak pasti akan menyuburkan lagi taman ilmiah sastra *Mahua*, terutamanya dari segi perspektif dan pendekatan yang diterapkan. Ia akhirnya akan membawa dampak ke atas keilmiahan di sebelah sini. Bagi siswazah di Singapura dan Malaysia, kebanyakan pengkaji masih taat kepada tema konvensional, iaitu kajian tokoh penulis dan karya serta perkembangan genre secara umum. Pendekatan yang dibiasakan pula ialah kajian kepustakaan dan analisa data secara empirikal. Dari segi pengembangan hujah pula, jelas mereka masih kurang berupaya menerapkan rangka teori secara yakin. Justeru penjana ilmu dan gagasan baru masih dinantikan.

Walau bagaimanapun, perlu diakui pengajian sastera *Mahua* adalah bidang pengajian yang muda, maka masih memerlukan penyelidikan secara ekstensif dan berbobot filsafat. Tidak syak lagi bahawa keseluruhan hasil penyelidikan setakat ini pastinya akan menyumbang kepada keilmuan sains sosial tanah air, sekali gus berguna khususnya untuk mengkaji pengaruh dan cabaran sastera kecil ini ke atas hegemoni budaya dan politik pasca era kolonialisme. Begitu juga mauduk mengenai diaspora Cina, gejala imigrasi baru, kelompok subaltern dan persoalan identiti yang menjadi wacana utama dalam dunia ilmiah masa kini itu perlu diteliti dengan lebih mendalam dan kritis, kerana penting sekali dalam membantu kita memahami proses pembentukan citra dan jati diri aliran sastera baru dunia ketiga.

### PERKEMBANGAN DALAM BIDANG ESEI KRITIKAN

Sastera kritikan *Mahua* peringkat awal tidak terputus daripada warisan dan tradisi Sastera China Daratan. Bentuk dan gagasan yang terangkum dalam teori dan kritikan sastera (termasuk esei kritikan) dewasa itu dipengaruhi sastera kritikan Barat. Bentuk kritikan ini hanya lahir di daratan China pada awal kurun ke-20 dan cenderung mengaplikasikan teori sastera Barat untuk mendekati khazanah sastera. Wen Rumin (1993: 1) berpendapat kritikan Sastera China Moden yang memanfaatkan teori dan pendekatan Barat telah dimulai Wang Guowei dengan kajiannya ke atas novel besar Cao Xueqin, berjudul *Sorotan Novel Mimpi Kamar Merah* pada tahun 1904. Selepas itu, kita menyaksikan kritikan pendekatan kontekstual (sejarah-konvensi)<sup>8</sup>, kritikan pendekatan moral<sup>9</sup> dan Kritikan Baru<sup>10</sup> adalah antara pendekatan yang mendominasi sastera kritikan daratan China dan sastera *Mahua* selama sekurun yang lepas. Kemudian terdapat pengkritik Tanah Besar China memanfaatkan gagasan sastera klasik, terutamanya meminjam gagasan Liu Xie dalam *Wen Xin Diao Long* (文心雕龙) dan gagasan Zhong Rong dalam *Shi Pin* (诗品), dan beberapa orang tokoh yang lain. Namun, pendekatan itu tidak berkembang dengan baik kerana dianggap kurang saintifik dan terputus daripada aliran pemikiran zaman baru. Disebabkan pengaruh besar dari Gerakan 4 Mei 1919 di China, tidak hairanlah bentuk kritikan sastera yang bersumberkan gagasan sastera klasik Cina itu sudah tentu tidak popular di kalangan kritikawan *Mahua*. Faktor kedua ialah tanggapan serong di kalangan warga sastera *Mahua* ke atas fungsi dan tugas pengkritik itu tidak mendorong pertumbuhan genre itu. Pengkritik sastera acap kali dilihat kurang bermoral, malah pendendam, penyibuk, pengacau dan pemusnah karier penulis kreatif. Justeru itu, genre yang berkenaan terpaksa berdepan banyak hambatan sebelum dapat berkembang dengan pesatnya mulai awal tahun 1990-an.

Selain pendekatan kontekstual dan Kritikan Baru, bentuk kritikan yang popular di kalangan warga pengkritik *Mahua* ialah kritikan impresi, kritikan ala rencana, dan kritikan akademik. Kritikan impresi yang tidak memerlukan sebarang

ilmu bantu itu lebih berupa lintas fikir, pendapat peribadi, idea spontan dan sorotan mudah pembaca dan peminat sastera, maka kurang meyakinkan, selain tidak boleh dipertanggungjawabkan. Kritikan ala rencana pula cenderung meniru gaya bahasa dan stail rencana Lu Xun, 1881-1936, sasterawan-pemikir agung China abad ke-20. Bentuk kritikan sedemikian itu cenderung bernada keras, malah kecaman dan tusukan kalamnya terlalu pahit dan pedih untuk ditelan, dan kadang kala menolak aliran yang tidak sehaluan secara tuntas. Bentuk kritikan ini menjadi model dan ikutan kebanyakan pengkritik *Mahua* aliran realis dan telah mendominasi mandala kritikan *Mahua* dalam suatu tempoh yang agak panjang. Kebanyakan polemik sastera yang dicemari sentimen peribadi itu berpunca daripada sifat negatif bentuk kritikan itu sehinggakan telah wujud apa yang dinamakan Tradisi Bahas-Tempur (论战传统) dalam sejarah sastera kritikan *Mahua*. Kritikan akademik pula muncul pada dua dekad terakhir abad yang lalu. Selepas pertengahan tahun 1980-an, sastera *Mahua* mula menyerlahkan kesedaran berjuang dan penentangan akibat layanan yang tidak setara di bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan sejak beberapa dekad yang lalu. Dalam situasi budaya bangsa yang semakin terhakis, lahirlah perasaan krisis dan semangat obsesif di persada sastera *Mahua*. Di bidang sajak, kita saksikan Fu Chengde, Fang Ang, Xiao Man (1), Zheng Yuncheng dan lain-lain menyuguhkan karya yang disarati perasaan tertekan, sayu dan marah. Di bidang cerpen, Liang Fang, Xiao Hei dan penulis generasi baru seperti Huang Jinshu dan Li Zishu cenderung menggarap tema sejarah perjuangan kaum Cina yang terumbang-ambing di negara ini. Sekiranya tema awal kerap berupa transformasi daripada kisah kerabat sekeluarga, maka tema kedua pula mengisahkan dilema dan rasa ketidakupayaan perjuangan ideologi. Namun, kesedaran sejarah yang mendalam cukup terserlah. Pada tahun 1990-an, penglibatan penulis-siswazah Taiwan turut membawakan kritikan teoretis. Setelah Malaysia dan Republik Rakyat China menandatangani Memorandum Persefahaman di bidang pendidikan, rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di China. Tidak dinafikan pendidikan di luar negara telah secara langsung memantapkan akademik *Mahua* serta membangkitkan kritikan teoretis dalam sastera *Mahua*. Kebanyakan mereka adalah akademia dan sarjana di institusi pengajian tinggi seberang laut, maka cukup terlatih dan menguasai ilmu teori dan bahasa dan berjaya membawa citra baru ke kritikan sastera *Mahua*. Antara pengkritik-ilmuwan yang telah memberi sumbangan itu adalah Wang Runhua, Chen Pengxiang, Lin Jian.guo, Zhang Jinzhong, Huang Jinshu, Chen Dawei dan Zhong Yiwen. Sementara yang lain adalah pengkritik muda tempatan, termasuk Zhang Guangda (pertengahan 1980-an). Melalui usaha kedua-dua pihak itu, kritikan sastera mula ditangani secara teoritis dan akademis, dan mampu mengenal pasti dan mencari penyelesaian akademik kepada banyak persoalan pokok serta gejala sastera yang dihadapi sepanjang masa itu.

Sebelum dikaji proses penerokaan jati diri aliran sastera, harus terlebih dahulu difahami struktur yang membangunkan institusi sastera itu. Dalam hal ini, tinjauan



ke atas institusi kritikan dan persejarahannya menjadi sasaran kajian yang paling mendesak. Tetapi, pembangunan institusi ilmiah sastera *Mahua* itu banyak bergantung pada kepentingan peribadi, maka tidak boleh berkembang dengan baik kerana tidak ada sokongan kewangan dan dana daripada kerajaan. Hasilnya, kritikan sastera sering diperalatkan untuk memantapkan kedudukan penulis. Kalau ada persoalan serius yang dikemukakan, ia sering diketepikan begitu sahaja, atau si pencanang itu dikritik dan dibelasah habis-habisan dengan ukuran nilai moral dan pelbagai konvensi yang tidak menyumbang kepada pembangunan topik perbincangan.<sup>11</sup> Kewujudan gejala sedemikian telah menjadi fenomena budaya yang unik dan tidak harus dikesampingkan dalam usaha kita cuba memahami kemunculan sistem sastera serta prosesnya yang berlaku selama ini, termasuk tujuan, prihatin dasar dan mekanisme untuk mencapai matlamatnya. Bertolak dari hakikat ini, kritikan dan persejajaran sastera *Mahua* telah menjangkau sifatnya sebagai wacana sastera semata-mata, malahan memasuki bidang budaya yang sememangnya terangkum dalam rangkaian politik dan ekonomi serantau, malahan sejagat.

Sebagai bentuk utama manifestasi intelektual masyarakat Cina di Malaysia, keprihatinan dan tumpuan kritikan sastera kerap kali bertaut rapat dengan pengalaman lalu. Aktiviti penulisan kreatif itu disifatkan sebagai tanggungjawab moral, justeru kritikan sastera *Mahua* sering kali pula membayangkan realiti jiwa dan tuntutan berkenaan. Bertolak dari pemahaman ini, pengkaji cuba menelusuri rentetan perkembangan teori dan kritikan sastera *Mahua* pasca Perang Dunia II fokus kepada gejala sastera yang mencetuskan polemik dan perbincangan hangat di kalangan warga sastera bagi menyelam dan menyingkap sejauh mana persoalan identiti, subjek dan subjektiviti sastera *Mahua* itu relevan dengan perkembangan sejarah Malaysia dari segi sosial, budaya dan politik. Seandainya perkembangan Sastera Kebangsaan diistilahkan sebagai bentuk tradisi besar, dan kritikan sastera *Mahua* tradisi kecil,<sup>12</sup> maka akan timbul persoalan: apakah bentuk hubungan antara kedua-dua tradisi sastera itu? Tidak ketinggalan juga faktor yang membawa kepada peralihan serta teras intelektualisme yang mendasari perubahan itu.

Sejajar dengan kehadiran dan penempatan orang Cina di Tanah Melayu, persoalan identiti dan jati diri mereka menjadi gejala yang semakin mendesak dan kompleks. Kerumitan itu berpunca daripada nisab keturunan, bahasa pertuturan, jenis pekerjaan dan struktur sosial masyarakat Cina sendiri serta dampak dari luar akibat perubahan suasana politik di Tanah Melayu dan serantau. Wang Gungwu (2002: 242-50) telah menggariskan empat kategori utama identiti orang Cina di Malaysia dan Singapura: identiti yang bersandarkan kesedaran sejarah/budaya, identiti yang bersandarkan kesedaran etnik dan ras, identiti yang bersandarkan kesedaran kelas sosial, dan identiti yang bersandarkan semangat kenegaraan. Identiti diri orang Cina tidak selamanya statik, kerana ia berubah-ubah, malahan kadang kala bertindih/ berkembar.

Keadaan sedemikian telah mewujudkan proses pencarian dan pembangunan nilai, identiti dan jati diri secara berterusan di kalangan orang *Mahua*, khususnya

para intelek dan budayawan *Mahua*. Gejala pencarian identiti tadi memang terbayang dengan nyata dalam wacana kritikan sastera *Mahua*. Ia tidak pernah padam dan lenyap selama ini dan ia tidak akan berakhir kerana banyak faktor dalaman dan luaran yang sentiasa mengingatkannya tentang asal keturunan, peranan yang wajar serta batasan yang tertentu. Ia menjadi lebih nyata tatkala gelombang globalisasi semakin mengganas dan gejala berkabilah menjadi-jadi. Selain itu, perpindahan dan penghijrahan manusia secara besar-besaran akibat peperangan atau sebab politik dan ekonomi telah mengubah demografi kebanyakan negara, sehingga wujud pelbagai wacana baru. Misalnya konsep *diaspora*, *center* dan *peripheral*, *polysystem*. Gagasan negara-bangsa yang didukung dan dipupuk selama ini turut tergugat. *Nasion*<sup>13</sup> yang dicita-citakan kebanyakan negara di dunia ketiga telah dilihat sebagai hasil buatan manusia menerusi kuasa pemerintahan dan pelbagai jentera pentadbiran. Sehubungan itu, agenda pembinaan Bahasa Kebangsaan/bahasa pengantar rasmi tunggal telah dikenal pasti sebagai faktor utama pembentukan “komuniti yang dibayangkan” sebagaimana disarankan Benedict Anderson (1983).

## RUMUSAN

Institusi ilmiah dalam pengajian sastera *Mahua* mula dibentuk Fang Xiu sejak 45 tahun yang lepas. Beliau telah mengumpul khazanah kebudayaan yang agak lumayan. Sekiranya kehadiran Komanwel Sastera Cina adalah suatu realiti, maka sastera *Mahua* boleh dikatakan adalah sistem sastera yang secara relatifnya mantap dan utuh. Walaupun ia terkandas dalam *politics of recognition* dalam kerangka sastera kebangsaan Malaysia, namun era globalisasi telah membolehkannya memanfaatkan teknologi ICT untuk menerobosi dinding nasionalisme yang sempit untuk mendapat kekuatan yang berterusan. Penglibatan akademia dalam membangunkan institusi sastera *Mahua* telah turut menyumbang kepada pemantapan usaha pembinaan jati diri sastera itu. Ini adalah asas kewujudan sastera gejala baru itu yang semakin menggamit perhatian sarjana antarabangsa.

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Perkataan *Mahua* adalah singkatan daripada rangkai kata *Malaxiya huaren*, bermaksud orang Cina di Malaysia. Sebagaimana lazimnya, istilah “Sastera *Mahua*” bermaksud sastera berbahasa Cina yang diusahakan orang Cina di Singapura dan Malaysia sejak era pra merdeka. Kemudian ia terbatas pada sastera berbahasa Cina di Malaysia setelah Singapura terpisah dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965. Perlu ditegaskan, konotasi berkenaan tidaklah mutlak dan dipatuhi. Ketaksamaan terminologi itu telah mengundang polemik yang hangat, terutamanya pada pertengahan tahun 1990-an. Kajian itu lebih banyak tertumpu pada gejala sastera yang tertulis dalam bahasa Cina. Namun, sastera kaum Cina dalam konteks yang lebih luas di Malaysia tetap relevan dalam kerangka kajian ini, terutamanya dalam konteks mutasi budaya.

- <sup>2</sup> Nama sarjana yang menceburi bidang berkenaan secara konsisten di Singapura, selain Fang Xiu, ialah Wang Runhua @ Wong Yoon Wah, Yang Songnian @ Yeo Song Nian, Huang Mengwen @ Wong Meng Voon, Wu Yaozong @ Gabriel Wu Yeow Chong, Ke Siren @ Quah Sy Ren, Xu Fuji @ Koh Hock Kiat, Zhou Weijie @ Chew Wee Kai, Fang Guixiang dan sebagainya. Di China ialah Pan Yatun, Chen Xianmao, Rao Pengzi, Huang Wanhua, Gu Yuanqing, Wang Lieyao, Gong Zhong, Li Junzhe, Cao Huimin, Lai Bojiang, Qin Hong, Liu Denghan, Huang Houxing, Liu Xiaoxin, Cai Shiren, Wu Zhongjie, Yuan Liangjun, Chen Shi, Su Weihong, Hu Lingzhi, Wu Yiqi, Wang Huiming, Wang Chunyu, Huang Yimou, Xu Xue, Shao Dehuai, Wang Zhenke, Zhu Wenbin, Zeng Yiguo, Zhu Shuangyi, Zhu Lili, Nan Zhiguo, Zhu Chongke dan sebagainya; di Taiwan ialah Li Ruiteng; Chen Pengxiang, Zhang Jinzhong @ Tee Kim Tong, Huang Jinshu @ Ng Kim Chew, Lin Jian.guo @ Lim Kien Ket, Chen Dawei @ Chan Tah Wei, Zhong Yiwen @ Choong Yee Voon, Yang Jinyu, Xin Jinshun dan akhir-akhir ini Yang Zonghan; di Hong Kong terdapat Yuan Dian; di Jepun ialah Imatomi Masami, Yamamoto Tetsuya, Yamaguchi Ichiro, Sakurai Meiji, Suzuki Masao, Imabori Seiji, Arai Shigeo, Ogi Hirofumi dan Masutani Satoshi, Yamada Keizo dan Hara Fujio. Sebahagian pengenalan tentang kajian sastera *Mahua* di Jepun telah dibincangkan dalam Ogi Hirafumi (1990). Namun, sarjana Jepun cenderung meletakkan sastera *Mahua* dalam kerangka sejarah orang Cina di Malaya/seberang laut ataupun kerangka ekonomi orang Cina seberang laut. Di Perancis pula, Claudine Salmon sudah mengkaji sastera peranakan di Indonesia sejak beberapa lama. Di Singapura, peneliti sastera *Mahua* lazimnya dari kalangan sarjana yang berkhidmat di Jabatan Pengajian Kebahasaan dan Kesusasteraan Tionghoa di institusi pengajian tinggi, terutamanya Nasional University of Singapore. Manakala di China, sarjananya adalah dari Pusat Penyelidikan Sastera Cina Seberang Laut yang bernaung di bawah panji universiti, atau akademi sains sosial di peringkat provinsi/ nasional dengan sesetengahnya masih menuntut di peringkat ijazah pasca siswazah. Di Jepun dan Perancis, penelitinya sama ada dari Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, atau pun Pusat Sains Sosial dan Ilmu Kemanusiaan di pelbagai institusi pengajian tinggi. Latar belakang ini menunjukkan sastera *Mahua* mempunyai asas pengajian yang baik dan sudah menjadi bidang ilmiah yang mantap, sama ada dari segi pengajian sastera tulen mahupun pengajian ilmu kemanusiaan secara umum. Berkenaan sorotan pengajian sastera *Mahua* di beberapa daerah tersebut, sila rujuk Yamamoto Tetsuya (1986), Zhang Jinzhong (1998), Gu Yuanqing (1998) dan Zhu Wenbin (2004).
- <sup>3</sup> Beliau adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Tionghoa universiti berkenaan, asalnya dari Beijing. Sesudah tamat perkhidmatan di Universiti Malaya, beliau berhijrah dan menetap di Amerika Syarikat. Tesis sarjananya adalah di bawah penyeliaan Dr. Wang Gungwu, pensyarah Jabatan Sejarah di Universiti Malaya ketika itu. Maklumat di atas saya peroleh dari perbualan secara tak rasmi dengan Goh Then Chye, mantan pensyarah/Ketua Jabatan Pengajian Tionghoa, Universiti Malaya.
- <sup>4</sup> Graduan Doktor Falsafah yang dimaksudkan ialah Tang Eng Teik (1990), Yulduz Emiloglu (1995) dan Seng Yan Chuan (2005).
- <sup>5</sup> Pada peringkat Ph.D, terdapat Huang Sentong @ Wong Seng Tong (1978), Li Qingnian (1993), Zhang Jinzhong (1997), Ou Qingchi (1997), Xu Wenrong @ Khor Boon Eng (2002), Su Weihong (2002), Guo Huifen (2002) dan Zhu Wenbin (2004). Tesis di peringkat sarjana lebih banyak lagi.

- <sup>6</sup> Setakat ini belum adalah buku yang lengkap mengkaji perkembangan intelektual *Mahua* sejak awal hingga sekarang. Namun, dua buah kajian yang relevan ialah Cui Guiqiang, *Peralihan Kesetiaan Kenegaraan Orang-Orang Cina di Malaya dan Singapura 1945-1959* (新马华人国家认同的转向, 1945-1959) (1990) dan He Guozhong @ Hou Kok Chung, *Malaysian Chinese: Identity, Culture and Ethnic Conflict* (马来西亚华人: 身份认同, 文化与族群政治) (2002).
- <sup>7</sup> Pada akhir Jun 2005 penulis berkesempatan menghadiri Persidangan Sinologi di Soochow University, dan di kalangan rakan sepersidangan ada seorang calon kedoktoran dari Harvard University, Amerika Syarikat, Alison M. Grope namanya, sedang membuat penyelidikan tentang sastera *Mahua* tahun 1990-an. Penulis dimaklumkan penyelidikan beliau adalah di bawah penyeliaan Prof. Leo Ou-fan Lee dan telah selesai pada musim bunga tahun 2006.. Seorang lagi lulusan Harvard University di bawah penyeliaan David Der-wei Wang bernama Jing Tsu pada awalnya berkhidmat Rutgers University dan kemudian bertukar ke Yale University. Beliau mengkaji kebudayaan dan identiti orang Cina di Malaysia yang terpapar dalam sastera *Mahua*. Penulis difahamkan kecenderungan mereka dalam sastera *Mahua* khususnya dan Sastera Cina Asia Tenggara amnya adalah didorong beberapa profesor Sastera Bandingan yang terkenal di peringkat antarabangsa termasuk Leo Ou-fan Lee, David Der-Wei Wang, Liu Shaoming dan sebagainya.
- <sup>8</sup> Kajian/bentuk ini lazimnya tertumpu pada latar belakang hidup pengarang dan realiti semasa karya itu lahir. Faktor luaran ini dianggap boleh memberi kesan ke atas hasil penulisan. Ia sering dikaitkan dengan falsafah realisme dan pendekatan kritikan Marxis tentang pertentangan kelas sosial. Bentuk kritikan sedemikian luas digunakan Mao Dun di China (Wen Rumin: 99-124). Dan ia turut mendapat sambutan baik dari kritikawan *Mahua*. Antara tokoh yang dimaksudkan termasuk Fang Xiu, Miao Xiu, Zhao Rong, Yuan Dian dan Chen Xuefeng.
- <sup>9</sup> Pendekatan moral bertolak dari dasar pemikiran bahawa karya sastera dianggap sebagai medium yang paling berkesan dalam membina moral dan keperibadian kelompok. Dengan ini, wujud idea bahawa bentuk tidak boleh menggantikan isi. Dalam kritikan sastera, pendekatan moral dianggap sebagai pendekatan tua. Istilah yang sering digunakan dalam wacana kritikan moral ialah kematangan, keseriusan, keseluruhan, kebolehpercayaan, keikhlasan, kehidupan dan kesihatan (Raman Selden 1989:19)
- <sup>10</sup> Pendekatan ini mula diamalkan di Amerika Syarikat pada akhir tahun 1960-an. Dipelopori Rene Wellek dan Austin Warren dalam bukunya *Theory of Literature* (Harcourt Brace Jovanovich Inc. 1942, 1949, 1956). Pendekatan ini memberi penekanan pada teks sastera sebagai sumber yang tertutup. Dengan kata lain, segala manifestasi boleh dicari dalam teks tanpa perlu mengaitkannya dengan unsur ekstrinsik. Tugas pengkritik ialah menyelidik segala macam simbol, tanda dan perlambangan yang membangunkan karya itu. Proses penganalisan biasanya disifatkan eksplorasi unsur intrinsik teks itu. Dalam mandala sastera *Mahua*, pendekatan ini digunakan secara meluas oleh pengkritik aliran modenisme sejak akhir dekad 1970-an dan 1980-an, khususnya Wen Renping.
- <sup>11</sup> Makalah dan esei yang terhimpun dalam Zhang Yongxiu, Zhang Guangda, Lin Chunmei ed., *Sastera Mahua Berperisa Pedas: Kumpulan Esei dan Rencana Pilihan tentang Isu-Isu Kontroversial Sastera Mahua 1990-an* 辣味马华文学: 九十年代马华文学争论性课题文选 menyentuh perkara tersebut.

- <sup>12</sup> Gagasan tradisi besar dan tradisi kecil dipinjam Syed Husin Ali daripada konsep yang dikemukakan R. Redfield dalam membincangkan kedudukan sastera Melayu dan sastera *Mahua* dalam konteks Sastera Nasional/Kebangsaan Malaysia. Dalam huraian beliau, sastera Melayu dianggap tradisi besar kerana jumlah penduduk yang menganuti agama Islam, mengamalkan budaya Melayu dan berbahasa Melayu itu lebih besar berbanding dengan sastera *Mahua* dan lain-lain sastera etnik (Syed Husin Ali 1997: 8-9).
- <sup>13</sup> Istilah *nasion* di sini digunakan untuk menggantikan istilah bangsa bagi mengelakkan kekeliruan. Menurut Abdul Rahman Embong, istilah bangsa dalam bahasa Melayu mempunyai makna yang agak rencam yang boleh membawa maksud satu kelompok manusia berdasarkan ciri fizikal, iaitu ras dan keturunan. Selain itu, konsep ini boleh bermaksud kaum, bererti satu kumpulan etnik berdasarkan ciri budaya, dan juga boleh bermaksud satu komuniti politik dalam wilayah tertentu, seperti *nation* dalam Bahasa Inggeris (2001: 12-3). Istilah *nasion* yang diterima pakai di sini mula dianjurkan Sumit Mandal (1998) memandangkan ia adalah kata akar kepada istilah *nasionalis* dan *nasionalisme* yang sudah mantap penggunaannya dalam bahasa Melayu. Maksudnya di sini merujuk pada komuniti politik tadi.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2001. *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anderson, Benedict R. O' G. 1983. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Cui Guiqiang (崔贵强). 1990. 新马华人国家认同的转向 1945-1959. Singapore: South Seas Society.
- He Guozhong. 2002. 马来西亚华人: 身份认同、文化与族群政治. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Liu Hong (刘宏). 2000. 中国—东南亚学: 理论建构、互动模式、个案分析. Beijing: Zhongguo shehui kexue chubanshe.
- Raman Selden. 1989. *Practising Theory and Reading Literature: an Introduction*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Rao Pengzi & Fei Yong (饶凡子 & 费勇). 1998. 本土以外: 论边缘的现代汉语文学. Beijing: Zhongguo shehui kexue chubanshe.
- Syed Husin Ali. 1997. Kedudukan dan Peranan Sastera Etnik dalam Masyarakat Majmuk: Kes Malaysia. Dlm. Shamsuddin Jaafar, ed. *Sastera dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wen Rumin (温儒敏). 1993. 中国现代文学批评史. Beijing: Beijing daxue chubanshe.
- Zhang Jinzhong. 2003. 南洋论述: 马华文学与文化属性. Taipei: Maitian.
- Zhang Yongxiu, Zhang Guangda & Lin Chunmei, eds. (张永修、张光达 & 林春美主编) 2002. 辣味马华文学: 90年代马华文学争论性课题文选. Kuala Lumpur: Dewan Perhimpunan China Selangor.
- Zhu Lili. 2005. 华文学后殖民批评的可能性及限度, [http://fass.net.cn/fassNews/fass\\_ReadNews.asp?NewsID=628](http://fass.net.cn/fassNews/fass_ReadNews.asp?NewsID=628), (September 3, 2005).

(Sumber asal artikel ini dalam bahasa Cina: 全球化语境中的马华文学研究: 学院建制与主体意识的滥觞 yang telah diterbitkan dalam Hou Kok Chung (ed.). *China and Malaysia in the Discourse of Globalization*. Kuala Lumpur: Institute of China Studies, University of Malaya, 2007: 45-69).

Penulis dan Penterjemah: Chong Fah Hing, PhD  
Jabatan Bahasa Asing  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor.

Emel: [cfhing@fbmk.upm.edu.my](mailto:cfhing@fbmk.upm.edu.my)